

19 pendatang ditahan, sindiket palsu dokumen tumpas

Mersing: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) melumpuhkan sindiket pemalsuan dokumen apabila menahan 19 pendatang asing tanpa izin warga Vietnam, kira-kira 1.8 batu nautika Tanjung Kempit, Endau, di sini.

Timbalan Pengarah (Operasi) Maritim Pahang, Kepten Maritim V Pannir Selvan, berkata dalam kejadian jam 2.35 pagi pada 30 Januari lalu, pihaknya menahan sebuah bot nelayan tempatan disyaki cuba menyeludup pendatang berusia 19 hingga 50 tahun terbabit.

Beliau berkata, tangkapan itu hasil kerjasama Cawangan Risik Ibu Pejabat Maritim Putrajaya, Maritim Pahang dan Zon Maritim Mersing.

"Hasil maklumat dikumpulkan Zon Maritim Mersing, sebuah bot kilat berjaya mengesan sebuah bot nelayan tempatan dalam keadaan mencurigakan. Ketika merapati, bot terbabit enggan berhenti dan cuba melarikan diri secara berbahaya.

"Ketika menghampiri bot itu, anggota mengesan sebilangan pendatang terjun ke laut dan cuba melarikan diri dengan berenang ke Pantai Kampung Semanyir, Endau. Bagaimanapun, semua pendatang terbabit berjaya ditahan," katanya pada sidang media di Pejabat Maritim Malaysia Zon Maritim Mersing, di sini, semalam.

Pannir Selvan berkata, hasil pemeriksaan lanjut, pihaknya menjumpai beberapa beg besar pakaian, bekalan makanan dan dokumen mencurigakan di dalam bot itu.

Beliau berkata, bot terbabit ditahan di jeti Maritim Malaysia Tanjung Gemok, Pahang, dan diserahkan kepada pegawai penyiasat Zon Maritim Mersing untuk siasatan lanjut.

Warga Vietnam disyaki tekong darat

Katanya, hasil soal siasat membawa kepada penahanan seorang wanita warga Vietnam disyaki tekong darat menjalankan pemalsuan dokumen dan menguruskan perjalanan pendatang Vietnam ke negara asal.

"Suspek berusia 30-an ditahan pada jam 10.15 pagi 3 Februari lalu dalam serbuan di sebuah rumah di Tanjung Gemok, Rompin, Pahang.

"Hasil serbuan di rumah suspek menjumpai 36 pasport milik warga Vietnam, 54 buku pelaut Vietnam, kelengkapan pemalsuan cap kelulusan buku pelaut Vietnam dan dokumen lain yang mencurigakan," katanya.

Katanya, hasil soal siasat lanjut mendapati sebilangan pendatang datang dari daerah lain di Johor dan dipercayai menjadikan perairan Endau laluan utama memasuki serta keluar dari negara ini.

"Sindiket itu juga dipercayai didalangi seorang lelaki warga Vietnam bernama Nguyen Hai Au Yang, 43, yang melarikan diri selepas mengetahui bot terbabit ditahan.

"Sehubungan itu, orang awam yang ada maklumat berhubung suspek diminta menyalurkannya kepada Zon Maritim Mersing melalui talian 07-7982529 (pusat operasi) atau tampil ke pejabat Zon Maritim Mersing," katanya.